

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/09/26 - 45

### **MAJLIS MENANDATANGANI PERSETUJUAN JADUAL PELUPUSAN REKOD LHDNM 2019 BERSAMA ARKIB NEGARA MALAYSIA**

26 September 2019, Cyberjaya - Menyedari akan kepentingan pengurusan yang baik dalam pelupusan rekod awam terutamanya melibatkan rekod fail pembayar-pembayar cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menandatangani persetujuan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian LHDNM 2019 bersama Arkib Negara Malaysia (ANM) yang diadakan di Menara Hasil Cyberjaya pada hari ini.

Di majlis tersebut, LHDNM diwakili oleh Dato' Sri Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM manakala ANM pula diwakili oleh Datuk Azemi Bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah ANM.

JPR Fungsian LHDNM 2019 yang ditandatangani ini adalah merupakan penambahbaikan daripada JPR Fungsian LHDNM 2011 yang telah dilaksanakan mulai 9 September 2011 selaras dengan hasrat LHDNM untuk memiliki sistem pengurusan pelupusan rekod yang sistematik sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).

Menerusi JPR Fungsian LHDNM ini, aspek pelupusan rekod akan ditambahbaik yang mana rekod-rekod yang tidak bernilai dapat dilupuskan segera apabila tamat tempoh simpanan. Manakala untuk rekod-rekod yang bernilai pula akan dipindahkan ke simpanan ANM untuk rujukan pada masa hadapan. Inisiatif LHDNM dalam menandatangani JPR Fungsian ini secara tidak langsung akan menjimatkan ruang dan kos penyimpanan memandangkan segala pelupusan rekod telah mengikut jadual yang ditetapkan oleh piawaian ANM.

Turut hadir sama dalam majlis ini adalah Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip [Pengarah Jabatan Operasi Cukai LHDNM], Puan Sulasteri binti Abdul Hamid [Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan ANM], pegawai-pegawai kanan dari LHDNM serta ANM.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

---

**Dikeluarkan Oleh:****Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**Tarikh: 26 September 2019**

/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



**Gambar 1 : Dato' Sri Sabin bin Samitah (kiri gambar) bersama-sama dengan Datuk Azemi bin Abdul Aziz (kanan gambar) menandatangani dokumen Persetujuan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian LHDNM 2019**



**Gambar 2: Dato' Sri Sabin bin Samitah (kiri gambar) dan Datuk Azemi bin Abdul Aziz (kanan gambar) bertukar dokumen persetujuan.**



**Gambar 3: Dari kiri gambar :**

- I. YM Raja Roslan Effendy bin Raja Abdillah, Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Percukaian LHDNM;**
- II. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip, Pengarah Jabatan Operasi Cukai LHDNM;**
- III. Dato' Sri Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM;**
- IV. Datuk Azemi bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah ANM;**
- V. Puan Sulasteri binti Abdul Hamid, Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan ANM; dan**
- VI. Tuan Hj Ismail bin Md Yusof, Ketua Seksyen Pelupusan Rekod Awam ANM.**